Benarkah Wali Allah itu Wujud?

القول الجلي في حديث الولي

Penulis:
Imam Al-Hafiz Jalaluddin As-Suyuthi

Penterjemah:
Mohd Zamri bin Mustafa

Penyemak:
Abu Abd. Rahman Al-Azhari

بسم الله الرحمن الرحيم

PENDAHULUAN

Segala puji bagi Tuhan Yang telah mengutus para Rasul dengan petunjuk dan agama yang benar, Tuhan Yang memilih daripada hamba-hamba-Nya sebagai para kekasih-Nya dan mengurniakan mereka kelebihan. Selawat dan salam yang berterusan ke atas Rasul junjungan Nabi Muhammad ﷺ, seterusnya kepada kaum keluarga Baginda, para Sahabat dan sesiapa sahaja yang mengikuti mereka di atas jalan kebenaran sehingga hari kiamat. Maha Suci Allah yang menjadikan para ulama sebagai pewaris para nabi dan rasul.

Sesungguhnya Allah ﷻ telah berfirman di dalam kitab-Nya:

أَلَآ إِنَّ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾ لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ

Maksudnya: *"Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu, tidak ada kebimbangan bagi mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. (Iaitu) mereka yang beriman dan mereka selalu bertakwa. Bagi mereka itu berita gembira di dalam kehidupan dunia dan akhirat…"*. (Surah Yunus: 62-64)

Para wali merupakan insan yang dimuliakan oleh Allah ﷻ. Mereka dikurniakan pelbagai kelebihan sama ada berbentuk *Karamat* atau yang seumpama dengannya. Orang-orang seperti mereka tentulah mendapat kemuliaan di dunia dan akhirat, sehingga disebut di dalam Hadis *Qudsi* bahawa barang siapa yang memusuhi mereka bererti memusuhi Allah ﷻ. Ulama menyebut dikhuatiri bagi orang yang memusuhi wali-wali Allah akan ditimpa dengan *su ulkhatimah* (kesudahan yang buruk).

Wali-wali Allah ﷻ itu sentiasa wujud pada setiap zaman, hanya sama ada kita mengenali mereka atau pun tidak. Namun Imam Syafie رحمه الله pernah berkata:

لو لم يكن الفقهاء العاملون أولياء الله فما لله ولي

Maksudnya: *"Kalaulah para ulama yang beramal itu bukan wali Allah, maka tiadalah wali bagi Allah".*

Oleh itu kita hendaklah sentiasa menghormati orang-orang soleh yang sentiasa melakukan amal taat kepada Allah ﷻ. Orang yang mengasihi mereka kerana Allah ﷻ pasti dapat bersama mereka pada hari akhirat nanti kerana setiap orang akan dibangkitkan pada hari kiamat bersama insan yang dikasihi. Sabda Nabi ﷺ:

"المرء مع من أحب" متفق عليه

Maksudnya: "*setiap orang akan dibangkitkan kelak (pada hari kiamat) bersama dengan orang yang mereka kasihi.*"

Dewasa ini ada sesetengah pihak dengan secara berani mengkritik keperibadian beberapa orang ulama dan lebih parah lagi daripada ulama tersebut telah diketahui kewalian mereka. Janganlah kita mudah-mudah mencela orang-orang soleh yang mereka ini sentiasa mendekatkan diri kepada Allah. Hendaklah kita bersikap rendah diri (tawadhu') terhadap mereka.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makky yang telah mendidik kami, seterusnya kepada Ustaz Muhammad Aidil Azwal bin Zainudin yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan dan tidak dilupakan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penterjemahan ini. Diharapkan agar khazanah ilmu Islam akan terus terpelihara dan moga-moga hasil kerja yang tak seberapa ini mendapat perhatian di sisi Allah Yang Maha Esa dan memberi manfaat kepada seluruh umat Islam. Wallahu a'lam.

Mohd Zamri bin Mustafa
Universiti al-Azhar,
Kaherah

12 Syawal 1438 H
23 Oktober 2007 M

PENGENALAN RINGKAS PENULIS

Imam Jalaluddin as-Suyuthi رَحِمَهُ ٱللَّهُ; Nama sebenar beliau Abdul Rahman bin Abi Bakr bin Muhammad. Dilahirkan di Mesir, ayah beliau meninggal dunia ketika beliau berusia 5 tahun.

Beliau tekun menuntut ilmu sejak kecil dan beliau menghafal al-Quran pada umur tidak sampai lapan tahun. Beliau turut menghafal beberapa buah kitab daripada pelbagai bidang ilmu seperti Feqah, Usul Feqah, Nahu dan sebagainya ketika masih kecil. Beliau belajar Feqah, Usul Feqah, Hadis, Tafsir, Nahu dan lain-lain lagi ilmu daripada ramai para Alim Ulama' pada zaman beliau. Beliau bermazhab Syafie dan mula mengarang kitab sejak berumur 17 tahun (tahun 866 hijrah). Sebahagian Ulama' mengatakan jumlah karangan beliau melebihi 600 buah karangan dan ada yang mengatakan jumlah karangan beliau mencapai 1,000 buah karangan dalam pelbagai bidang ilmu.

Beliau mendapat pujian sama ada daripada Ulama' yang hidup sezaman dengan beliau atau yang hidup setelah itu. Beliau adalah seorang yang pemurah, soleh, bertakwa serta cukup dengan apa yang ada. Beliau merupakan salah seorang daripada wali Allah dan mempunyai beberapa Karamat. Beliau meninggal dunia pada pagi Jumaat 19 Jamadilawal 911H.

Antara karangan beliau yang terkenal adalah; *al-Asybah wan Nazoir, al-Hawi lil Fatawa, al-Itqan fi Ulumil Quran* dan lain-lain lagi.

بسم الله الرحمن الرحيم

مسألة — الحديث الذى أخرجه البغوى فى تفسير سورة شورى عن أنس بن مالك عن النبي ﷺ عن جبريل عن الله عز وجل يقول : من أهان لى وليا فقد بارزنى بالمحاربة وإنى لأغضب لأوليائى كما يغضب الليث الحرد وما تقرب إلي عبدى المؤمن بمثل أداء ما افترضته عليه وما يزال عبدى المؤمن يتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه فإذا أحببته كنت له سمعا وبصرا ويدا (ومؤيدا) إن دعانى أجبته وإن سألنى أعطيته وما ترددت فى شيء أنا فاعله ترددى فى قبض روح عبدى المؤمن يكره الموت وأكره مساءته ولا بد له

Kemusykilan: –Hadis yang diriwayatkan oleh al-Baghawi[1] di dalam tafsir surah Syura: Daripada Anas bin Malik ﷺ, daripada Nabi ﷺ, daripada Jibrail ﷺ, daripada Allah ﷻ berfirman[2]:

"Barang siapa yang menghina kekasih-Ku maka sesungguhnya dia telah mengajak-Ku berperang, sesungguhnya Aku akan murka demi kekasih-kekasih-Ku seperti marahnya seekor singa yang garang. Tidak ada satu amalan pun yang dilakukan oleh hamba-Ku yang Mukmin untuk mendekatkan diri kepada-Ku seumpama apa yang telah Aku fardukan ke atasnya dan jika berterusan hamba-Ku yang Mukmin beramal kepada-Ku dengan amalan-amalan sunat pasti Aku akan mengasihinya, maka apabila Aku telah mengasihinya jadilah Aku sebagai pendengaran, penglihatan, tangan dan penolong baginya, sekiranya dia memohon kepada-Ku nescaya Aku memperkenankannya. Tidaklah Aku merasa ragu-ragu pada sesuatu yang Aku lakukan seperti mana ragu-ragu-Ku ketika mencabut roh hamba-Ku yang Mukmin, yang dirinya tidak menyukai keperitan mati dan Aku tidak ingin menyakitinya sedangkan dia tidak dapat terlepas daripada mati.

وإن من عبادى المؤمنين لمن يسألنى الباب من العبادة فاكفه عنه أن لا يدخله عجب فيفسده ذلك ، وإن من عبادى المؤمنين لمن لا يصلح إيمانه إلا الغنى ولو أفقرته لأفسده ذلك ، وإن من عبادى المؤمنين لمن لا يصلح إيمانه إلا الفقر ولو أغنيته لأفسده ذلك ، وإن من عبادى المؤمنين لمن لا يصلح إيمانه إلا الصحة ولو أسقمته لأفسد ذلك ، وإن من عبادى المؤمنين لمن لا يصلح إيمانه إلا السقم ولو أصححته لأفسد ذلك ، وإنى أدبر أمر عبادى بعلمى بقلوبهم إنى عليم خبير ، من أخرجه من الأئمة وما حاله؟
.

Sesungguhnya daripada hamba-hamba-Ku yang Mukmin ada yang memohon kepada-Ku dibukakan pintu ibadah maka Aku menahannya daripada perkara tersebut supaya tidak masuk kepadanya sifat Ujub yang akan membinasakannya. Sesungguhnya ada daripada hamba-hamba-Ku yang Mukmin tidak akan menjadi sempurna imannya melainkan dia berada di dalam keadaan kaya, sekiranya Aku menjadikannya fakir nescaya perkara tersebut akan membinasakannya. Ada daripada hamba-hamba-Ku yang Mukmin, tidak akan menjadi sempurna imannya melainkan dia berada dalam keadaan fakir, sekiranya Aku kayakan dia nescaya perkara tersebut akan membinasakannya. Daripada hamba-hamba-Ku yang beriman ada yang tidak menjadi sempurna imannya melainkan dia berada dalam keadaan sihat, sekiranya Aku sakitkan dia nescaya perkara tersebut akan membinasakannya. Juga daripada hamba-hamba-Ku ada yang tidak menjadi sempurna imannya melainkan dia berada dalam keadaan sakit, jika Aku sihatkannya nescaya perkara tersebut akan membinasakannya. Sesungguhnya Aku mentadbir urusan hamba-hamba-Ku dengan pengetahuan-Ku tentang hati-hati mereka, sesungguhnya Aku Maha Mengetahui.” Siapakah daripada para Imam yang meriwayatkan hadis ini dan apakah kedudukannya?

الجواب : هذا الحديث أخرجه ابن أبى الدنيا فى كتـــاب الأولياء قال : حدثنا الهيثم بن خارجة والحكم بن موسى قالا : ثنا حسن بن يحيى الخشنى ، عن صدقة الدمشقى ، عن هـــشام الكنانى ، عن أنس بطوله ولفظه.

وأخرج أبو نعيم فى الحلية فى ترجمة الحسن بـــن يحـــيى الخشنى قال: ثنا أبو علي محمد بن أحمد بن الحسن ، ثنا محمد بن عثمان بن أبى شيبة ، ثنا عبد الجبار بن عاصم ، ح ثنا أبو بكـــر محمد بن الحسن الآجرى ، ثنا أحمد بن يحيى الحلوانى ، ح ثنـــا مخلد بن جعفر ، ثنا أحمد بن محمد بن يزيد البراتى قـــالا : ثنـــا الحكم بن موسى قال : ثنا الحسن بن يحيى الخشنى بـــه بطولـــه ولفظه . وقال : غريب من حديث أنس لم يروه عنه على هـــذا السياق إلا هاشم ، وعنه صدقة تفرد به الحسن ،

Jawapan: Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Abi ad-Dunya[3] di dalam Kitab *"al-Awliyak"*. Beliau berkata: Telah meriwayatkan kepada kami al-Haysam bin Kharijah dan al-Hakam bin Musa, mereka berkata: Telah meriwayatkan kepada kami Hasan bin Yahya al-Khusyani, daripada Shodaqoh ad-Dimasyqi, daripada Hisyam al-Kanani, daripada Anas ﷺ dengan hadis sepanjang ini dan lafaz seperti ini.

Abu Nu'aim[4] telah meriwayatkan di dalam *"al-Hilyah"* ketika menceritakan biodata al-Hasan bin Yahya al-Khusyani, beliau berkata: Telah meriwayatkan kepada kami Abu Ali Muhammad bin Ahmad bin al-Hasan, telah meriwayatkan kepada kami Muhammad bin Uthman bin Abi Syaibah, telah meriwayatkan kepada kami Abdul Jabar Bin Asim. **(ح)**[5] Telah meriwayatkan kepada kami Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan al-Ajuri, telah meriwayatkan kepada kami Ahmad bin Yahya al-Khilwani. **(ح)** Telah meriwayatkan kepada kami Makhlad bin Ja'far, telah meriwayatkan kepada kami Ahmad bin Muhammad bin Yazid al-Barati, mereka berkata: Telah meriwayatkan kepada kami al-Hakam bin Musa, beliau berkata: Telah meriwayatkan kepada kami al-Hasan bin Yahya al-Khusyani hadis tersebut dengan hadis sepanjang ini dan lafaz yang sama. **Beliau** berkata: Hadis ini *Gharib*[6] daripada hadis Anas ﷺ. Tidak ada yang meriwayatkan hadis ini daripada Anas dengan bahasa sebegini melainkan Hisyam, dan meriwayatkan daripadanya Sodaqoh dan al-Hasan meriwayatkan daripadanya secara berseorangan.

والحسن بن يحيى قال الذهبى : تركوه ، وقال أبو حاتم : صدوق سيء الحفظ ، وقال دحيم : لا بأس به ، وروى الطبرانى فى الأوسط من طريق عمر بن سعيد الدمشقى — وهو ضعيف — عن صدقة بن عبد الله أبى معاوية عن عبد الكريم الجزرى عن أنس قال : قال رسول الله ﷺ : قال الله تعالى : من أهان لى وليا فقد بارزنى بالمحاربة ، وإنى لأسرع شيء إلى نصرة أوليائى ، إنى لأغضب لهم كما يغضب الليث الحرد ، هكذا رواه مختصرا ، ثم إن لأصل الحديث شواهد :

منها ما أخرجه البخارى فى صحيحه من طريق خالد بن مخلد عن سليمان عن بلال عن شريك بن عبد الله بن أبى نمر عن عطاء بن يسار عن أبى هريرة قال : قال رسول الله ﷺ : قال الله عز وجل : من عادى لى وليا فقد آذنته بالحرب ، وما تقرب إلي عبدى بشيء أحب إلي مما افترضته عليه ، وما يزال عبدى يتقرب بالنوافل حتى أحبه ،

Manakala tentang kedudukan al-Hasan, **az-Zahabi**[7] berkata: Jangan meriwayatkan daripadanya. **Abu Hatim** berkata: Dia seorang yang *soduq*[8] tetapi lemah dalam hafalan. **Duhaim** berkata: tidak ada masalah dengannya[9]. At-Tobrani[10] meriwayatkan di dalam "al-Ausat" daripada jalur Umar Bin Said ad-Dimasyqi –dan hadis itu dhaif- daripada Sodaqoh bin Abdillah Abi Mu'awiyah, daripada Abdul Karim al-Jazari, daripada Anas ﷺ beliau berkata: telah bersabda Rasulullah ﷺ: Allah Ta'ala berfirman: *"Barang siapa yang menghina kekasih-Ku maka dia telah mengajak-Ku berperang, sesungguhnya Akulah yang paling cepat dalam menolong kekasih-kekasih-Ku, Aku akan murka demi kekasih-kekasih-Ku seperti mana marahnya seekor singa yang garang."* Beginilah yang telah diriwayatkannya secara ringkas. Kemudian untuk hadis tersebut ada mempunyai *syawahid*[11]:

[1] Di antaranya; apa yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari[12] di dalam *"Sahih"*nya daripada jalur Khalid bin Makhlad, daripada Sulaiman, daripada Bilal, daripada Syarik bin Abdillah bin Abi Namr, daripada Ato' bin Yasar, daripada Abu Hurairah ﷺ beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Allah ﷻ berfirman:*"Barang siapa yang menyakiti kekasih-Ku maka Aku mengisytiharkan peperangan terhadapnya, tidak ada satu amalan pun yang dilakukan oleh hamba-Ku lebih Ku sukai melebihi kewajipan yang telah Aku wajibkan ke atasnya dan jika berterusan hamba-Ku mendekatkan diri dengan amalan-amalan sunat nescaya Aku akan mencintainya.*

فإذا أحببته كنت سمعه الذى يسمع به وبصره الذى يبصر به ويده التى يبطش بها ورجله التى يمشى بها ، ولئن سألنى لأعطينه ، ولئن استعاذنى لأعيذنه ، وما ترددت عن شيء أنا فاعله ترددى عن نفس المؤمن يكره الموت وأكره مساءته ولا بد له منه ، تفرد بإخراجه البخارى ، وأورده الذهبى فى الميزان فى ترجمة خالد وقال : هذا حديث غريب جدا تفرد به خالد بن مخلد ، ولولا هيبة الجامع الصحيح لعددته فى منكرات خالد ، وذلك لغرابة لفظه ، ولأنه مما تفرد به شريك وليس بالحافظ .

Maka apabila Aku telah mencintainya jadilah Aku sebagai pendengarannya yang dia mendengar dengannya, sebagai penglihatan yang dia melihat dengannya, sebagai tangan yang dia menggunakannya dan sebagai kaki yang dia berjalan dengannya, seandainya dia memohon sesuatu kepada Ku nescaya Ku perkenan, seandainya dia memohon perlindungan dengan-Ku nescaya Aku akan melindunginya. Tidaklah Aku ragu-ragu terhadap sesuatu yang Aku lakukan seperti mana ragu-ragu-Ku terhadap jiwa seorang Mukmin yang tidak menyukai keperitan mati dan Aku tidak suka ingin menyakitinya, sedangkan dia mesti menghadapinya." Al-Bukhari berseorangan dalam meriwayatkan hadis ini. Az-Zahabi menyebutnya di dalam "al-Mizan" ketika menceritakan biodata Khalid, beliau berkata: Hadis ini *gharib jiddan* yang Khalid bin Makhlad berseorangan meriwayatkannya. Kalaulah bukan disebabkan kehebatan *"al-Jami as-Shahih"* nescaya aku akan masukkan hadis tersebut daripada *munkarat*[13] Khalid, ini disebabkan oleh ganjil lafaznya dan hadis tersebut diriwayatkan secara berseorangan oleh Syarik sedangkan dia bukan golongan *al-hafiz*[14].

ومنها ما أخرجه الإمام أحمد فى مسنده عن حماد بن خالد الخياط عن عبد الواحد مولى عروة عن عروة عن عائشة قالت : قال رسول الله ﷺ : من آذى لى وليا فقد استحل محاربتى ، ما تقرب إلي عبدى بمثل الفرائض ، وما يزال العبد يتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه ، فإذا أحببته إن سألنى أعطيته ، وإن دعانى أجبته ، وما ترددت عن شيء أنا فاعله ترددى عن وفاته لأنه يكره الموت وأكره مساءته ، ورجاله رجال الصحيح إلا عبد الواحد وثقه أبو زرعة ، والعجلى ، وابن معين فى رواية ، وضعفه غيرهم .

[2] Seterusnya daripada *syawahid* tersebut apa yang telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad[15] di dalam *"musnad"*[16]nya, daripada Hamad bin Khalid al-Khaiyat, daripada Abdul Wahid hamba Urwah, daripada Urwah, daripada A'isyah ﵂ beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: *"Barang siapa yang menyakiti kekasih-Ku maka dia telah menghalalkan memerangi-Ku, tidak ada amalan yang dilakukan oleh hamba-Ku untuk mendekatkan diri sama dengan kewajipan yang Aku tetapkan dan jika berterusan hamba-Ku mendekatkan diri kepada-Ku dengan amalan sunat pasti Aku akan mencintainya. Maka apabila Aku telah mencintainya sekiranya dia meminta kepada-Ku nescaya Aku akan memberinya, sekiranya dia berdoa kepada-Ku nescaya Aku akan memperkenankannya. Aku tidak pernah ragu-ragu terhadap satu-satu perkara yang Aku lakukan seumpama ragu-ragu-Ku tentang kematian hamba-Ku kerana dia tidak menyukai keperitan mati dan Aku tidak ingin menyakitinya."* Perawi-perawi hadis ini adalah perawi-perawi yang terdapat di dalam Sahih Bukhari kecuali Abdul Wahid. **Abu Zur'ah, al-'Ijli** dan **Ibnu Ma'in** pada satu riwayat mengatakan Abdul Wahid *thiqoh*. Selain daripada mereka melemahkannya.

وأخرجه الطبراني في الأوسط قال : ثنا هرون بن الكامل ، ثنا سعيد بن أبي مريم ، ثنا إبراهيم بن سويد المدني ، حدثني أبي حزرة يعقوب بن مجاهد ، أخبرني عروة بن الزبير عن عائشة عن رسول الله ﷺ قال : إن الله يقول : من أهان لي وليا فقد استحل محاربتي ، وما تقرب إلى عبد من عبادي بمثل أداء فرائضي ، وإن عبدي ليتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه ، فإذا أحببته كنت عينه التي يبصر بها ، وأذنه التي يسمع بها ، ويده التي يبطش بها ، ورجله التي يمشي بها ، وإن دعاني أجبته ، وإن سألني أعطيته ، وما ترددت عن شيء أنا فاعله ترددي عن موته ، وذلك أنه يكره الموت ، وأنا أكره مساءته ، وقال : لم يروه عن عروة إلا أبو حزرة وعبد الواحد بن ميمون ،

At-Tabrani meriwayatkannya di dalam *"al-Ausat"* beliau berkata: telah meriwayatkan kepada kami Harun bin al-Kamil, telah meriwayatkan kepada kami Sa'id bin Abi Maryam, telah meriwayatkan kepada kami Ibrahim bin Suwaid al-Madani, telah meriwayatkan kepadaku Abu Hazrah Ya'kub bin Mujahid, telah meriwayatkan kepadaku Urwah bin az-Zubair, daripada A'isyah ﵂, daripada Rasulullah ﷺ baginda bersabda: *"Sesungguhnya Allah berfirman: Barang siapa menghina kekasih-Ku maka dia telah menghalalkan memerangi-Ku, tidak ada seorang pun dari hamba-hamba-Ku yang beramal untuk mendekatkan diri sama seperti melaksanakan kewajipan-Ku dan sesungguhnya jika dia mendekatkan diri kepada-Ku dengan amalan-amalan sunat nescaya Aku akan mengasihinya. Maka apabila Aku mengasihinya jadilah Aku sebagai matanya yang dia melihat dengannya, sebagai telinganya yang dia mendengar dengannya, sebagai tangannya yang dia menggunakannya dan sebagai kakinya yang dia berjalan dengannya. Sekiranya dia berdoa kepada-Ku nescaya Aku akan perkenan, sekiranya dia meminta daripada-Ku nescaya Aku akan berikannya. Tidak pernah Aku merasa ragu-ragu pada sesuatu yang Aku lakukan seperti ragu-ragu-Ku tentang kematiannya, kerana dia tidak menyukai keperitan mati dan Aku tidak ingin menyakitinya."* Beliau berkata: Hadis ini tidak ada yang meriwayatkannya daripada Urwah melainkan Abu Hazrah dan Abdul Wahid bin Maimun.

(قلت) ورجال الإسناد رجال الصحيح إلا هرون .

ومنها ما رواه أبو يعلى فى مسنده عن العباس بن الوليد عن يوسف بن خالد عن عمر بن إسحاق عن عطاء بن يسار عن ميمونة أم المؤمنين أن رسول الله ﷺ قال : قال الله عز وجل : من آذى لى وليا فقد استحل محاربتى ، وما تقرب إلى عبدى بمثل أداء فرائضى ، وإنه ليتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه ، فإذا أحببته كنت رجله التى يمشى بها ، ويده التى يبطش بها ، ولسانه الذي ينطق به ، وقلبه الذى يعقل به ، فإذا دعانى أجبته ، وإن سألنى أعطيته ، وإن استنصرنى نصرته ، وفى سنده علي بن زيد ضعيف .

Aku berkata: perawi-perawi daripada sanad-sanad tersebut adalah perawi-perawi yang terdapat di dalam *"Sahih Bukhari"* melainkan Harun.

[3] Seterusnya daripada *syawahid* tersebut apa yang telah diriwayatkan oleh Abu Ya'la di dalam *"musnad"*nya daripada al-Abbas bin al-Walid, daripada Yusuf Bin Khalid, daripada Umar Bin Ishak, daripada A'to' bin Yasar, daripada Maimunah Umul Mukminin ﵂ bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda: Allah ﷻ berfirman: *"Sesiapa yang menyakiti kekasih-Ku maka dia telah menghalalkan memerangi-Ku. Tidak ada amalan yang dilakukan oleh hamba-Ku untuk mendekatkan diri sama dengan kewajipan yang Aku tetapkan dan jika dia berterusan mendekatkan diri kepada-Ku dengan amalan sunat pasti Aku akan mencintainya. Maka apabila Aku telah mencintainya maka jadilah Aku sebagai kakinya yang dia berjalan dengannya, sebagai tangannya yang dia menggunakannya, sebagai lidahnya yang dia bercakap dengannya dan sebagai hatinya yang dia berfikir dengannya. Jika dia berdoa kepada-Ku nescaya Aku akan memperkenankannya, sekiranya dia meminta daripada-Ku nescaya Aku akan memberinya, sekiranya dia memohon pertolongan daripada Aku nescaya Aku akan menolongnya."* Di dalam hadis tersebut ada Ali bin Zaid perawi lemah.

ومنها ما أخرجه الطبرانى عن ابن عباس قال : قال رسول الله ﷺ : يقول الله تعالى : من عاد لى وليا فقد ناصبنى بالمحاربة ، وما ترددت عن شيء أنا فاعله كترددى عن موت المؤمن يكره الموت وأكره مساءته ، وربما سألنى وليي المؤمن الغنى فأصرفه عن الغنى إلى الفقر ، ولو صرفته إلى الغنى لكان شرا له ، وربما سألنى وليي المؤمن الفقر فأصرفه إلى الغنى ، ولو صرفته إلى الفقر لكان شرا له ، ومن شواهد قوله : وإن من عبادى لمن يسألنى الباب من العبادة ، إلى آخره ما أخرجه أبو الشيخ بن حيان فى كتاب الثواب عن حاجب بن أبى بكر عن أحمد الدورقى عن أبى عثمان الأموى عن صخر بن عكرمة عن كليب الجهنى ﷺ عن النبي ﷺ قال : قال الله عز وجل : لولا أن الذنب خير لعبدى المؤمن من العجب ما خليت بين عبدى المؤمن وبين الذنب ،

[4] Seterusnya daripada *syawahid* tersebut apa yang telah diriwayatkan oleh at-Tabrani daripada Ibnu Abbas ﷺ beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Allah Taala berfirman: *"Sesiapa yang memusuhi kekasih-Ku maka ia telah bersedia untuk berperang dengan-Ku, tidak pernah Aku ragu-ragu pada sesuatu yang Aku lakukan seperti keraguan-Ku terhadap kematian seorang Mukmin yang dia tidak menyukai keperitan mati dan Aku tidak ingin menyakitinya. Boleh jadi seorang kekasih-Ku yang Mukmin memohon kekayaan daripada-Ku kemudian Aku jadikannya fakir, sekiranya Aku jadikannya kaya nescaya kekayaan menjadi keburukan kepadanya."*

Daripada *syawahid*; **i)** Firman Allah: *"Sesungguhnya ada daripada hamba-hamba-Ku yang memohon dibukakan pintu ibadah.."* sehinggalah ke akhir.

ii) Hadis diriwayatkan oleh Abu as-Syeikh bin Hayan di dalam kitab *"as-Thawab"* daripada Hajib bin Abi Bakr, daripada Ahmad ad-Dauraqi, daripada Abu Ustman al-Umawi, daripada Sakhr bin Ikrimah, daripada Kulaib al-Juhani ﷺ, daripada Nabi ﷺ baginda bersabda: "Allah ﷻ berfirman: *"Kalaulah bukan kerana dosa itu lebih baik untuk hamba-Ku yang Mukmin daripada Ujub[17], tidaklah Aku biarkan hamba yang Mukmin dengan dosa."*

وما أخرجه الديلمى فى مسند الفردوس من طريق جعفر بن محمد بن عيسى الناقد عن سويد بن سعيد عن ضمام بن إسماعيل عن موسى بن وردان عن أبى هريرة قال : قال رسول الله ﷺ : لولا أن المؤمن يعجب بعمله لعصم من الذنب حتى لا يهم به ، ولكن الذنب خير له من العجب ، وما أخرجه أبو نعيم ، والحاكم فى التاريخ من طريق سلام بن أبى الصبهاء عن ثابت عن أنس ، والديلمى من طريق كثير بن يحيى عن أبيه عن الجريرى عن أبى نضرة عن أبى سعيد قالا : قال رسول الله ﷺ : لو لم تكونوا تذنبون لخفت عليكم ما هو أكبر من ذلك العجب العجب .

مسألة — شخص روى حديثا عن النبي ﷺ عن الله عز وجل أنه قال : ما ترددت فى شيء أنا فاعله ترددى فى قبض روح عبدى المؤمن ، فقال له رجل : تجازف فى الحديث ؟ فما حال هذا الحديث وما معناه ؟

iii) Hadis yang telah diriwayatkan ad-Dailami di dalam *"Musnad al-Firdaus"* daripada jalur Ja’far bin Muhammad bin Isa an-Naqid daripada Suwaid bin Sa’id, daripada Dhamam bin Ismail, daripada Musa bin Wardan, daripada Abu Hurairah ﷺ beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: *“Kalaulah bukan kerana seorang Mukmin akan merasa Ujub dengan amalannya nescaya dia akan dipelihara daripada dosa sehingga dia tidak ada angan-angan untuk melakukannya, akan tetapi dosa itu lebih baik untuknya daripada Ujub.”*

iv) Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Nu’aim dan al-Hakim di dalam *"at-Tarikh"* daripada jalur Salam bin as-Shabhak daripada Sabit, daripada Anas ﷺ. Ad-Dailami pula meriwayatkan daripada jalur Kathir bin Yahya, daripada ayahnya, daripada al-Jariri, daripada Abu Nadrah, daripada Abu Sa’id ﷺ, mereka berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: *“Kalaulah kamu tidak langsung melakukan dosa, dikhuatirkan tertimpa ke atas kamu apa yang lebih besar daripada perkara tersebut iaitu ujub, ujub."*

Kemusykilan: Ada yang meriwayatkan satu hadis daripada Nabi ﷺ daripada Allah ﷻ bahawasanya berfirman: *“tidaklah Aku ragu-ragu terhadap sesuatu yang Aku lakukan seperti ragu-ragu-Ku ketika mencabut roh hamba-Ku yang Mukmin.”* Kemudian seorang lelaki berkata kepada perawi tersebut: kamu menyampaikan hadis yang membahayakan akidah? Maka apakah kedudukan hadis ini dan apakah maknanya?

الجواب — هذا الحديث صحيح رواه البخارى فى صحيحه ، والتردد فى الحديث عنه أجوبة مشهورة أحسنها — وعليه جرى ابن الجوزى — إن هذا من باب الخطاب لنا بما نعقل ، والبارى تعالى منزه عن حقيقته على حد قوله : ومن أتانى يمشى أتيته هرولة ، فكما أن أحدنا يريد ضرب ولده تأديبا فتمنعه المحبة وتبعثه الشفقة فيتردد بينهما ، ولو كان غير الوالد كالمعلم لم يتردد بل كان يبادر إلى ضربه لتأديبه ، فأريد تفهيمنا لتحقيق المحبة للولى بذكر التردد جريا على مخاطبة العرب بما يفهمون .

Jawapan: Hadis ini sahih diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam sahihnya. Berkenaan "ragu-ragu" yang disebutkan di dalam hadis mempunyai jawapan-jawapan yang masyhur. Jawapan yang terbaik adalah – seperti mana yang dikatakan oleh Ibnu Jauzi[18] رَحِمَهُ ٱللَّهُ -:

Sesungguhnya hadis ini termasuk di dalam bab berdialog kepada kita dengan apa yang kita mampu fahami. Allah Taala tidak mampu diperkenalkan hakikat-Nya. Hadis ini sama keadaannya dengan firman-Nya: *"Sesiapa yang datang kepada-Ku dalam keadaan berjalan, Aku akan datang kepadanya dalam keadaan berlari".* Perumpamaannya seperti salah seorang daripada kita hendak memukul anaknya untuk mendidik tetapi terhalang dengan sifat kasih sayangnya kepada anak dan akan timbul sifat lemah lembut yang dia akan teragak-agak antara dua keadaan. Sekiranya yang akan memukul bukan bapanya seumpama guru, dia tidak akan teragak-agak, bahkan dia akan segera memukul untuk mendidik. Apa yang ingin disampaikan kepada kita tidak lebih untuk menunjukkan kasih sayang Allah kepada wali Allah dengan menyebut "ragu-ragu". Bahasa seperti ini digunakan di dalam sastera Arab iaitu berbicara dengan bahasa yang mereka fahami.

BIBLIOGRAFI

1. Rasail Hammah wa Mabahis Qaiyimah, susunan Syeikh Muhammad Nuruddin Bin Marbu al-Banjari al-Makky, cetakan Dar al-Quds.
2. Al-Hawi lil Fatawa, karangan Imam as-Suyuti, cetakan Darul Fikr.
3. Mu'jam Tarajim A'lam al-Fuqahak, susunan Dr. Yahya Murad, cetakan Darul Kutub Ilmiah.
4. Kitabut Tazkirah li Ma'rifati Rijalil Kutubil A'syarah (4 jilid) karangan Abul Mahasin Muhammad Bin Ali al-'Alawi al-Husaini, tahkik oleh Dr. Raf'at Fauzi Abdul Mutalib, cetakan Maktabah al-Khanji Kaherah.
5. Syarah Nukhbatul Fikar fi Mustalahi Ahlil Astar karangan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, cetakan Darul Masyari'.
6. Syarah Manzumah Baiquniah Syaikh Muhammad Bin Abdullah Bin Abdul Baqi az-Zarqani, cetakan Darul Kutub Ilmiah.
7. Syarah Manzumah Baiquniah fi Mustalahil Hadis karangan Abdullah Sirajuddin cetakan Maktabah Darul Falah.
8. Mu'jam Wajiz susunan Majmak Lughah Arabiah, cetakan Wizarah at-Tarbiah wat Ta'lim.

CATATAN HUJUNG

[1] Nama sebenar beliau adalah al-Husain bin Mas'ud bin Muhammad, bermazhab Syafie. Merupakan seorang yang Faqih (alim Fekah), Muhaddis (ahli Hadis) dan Mufassir (ahli Tafsir) yang hebat. Antara karangan beliau adalah *Mu'alimul Tanzil, at-Tahzib, Syarhus Sunah* dan lain-lain lagi. Meninggal dunia sekitar tahun 510H.

[2] Firman Allah di sini merupakan Hadis Qudsi. ***Hadis Qudsi*** adalah; hadis yang diriwayatkan oleh Nabi ﷺ daripada Allah Taala, makna hadis tersebut daripada Allah Taala manakala lafaznya daripada Nabi ﷺ dan ianya bukan al-Quran. Imam Jurjani berkata: Hadis Qudsi ialah hadis yang maknanya adalah daripada Allah tetapi lafaznya adalah daripada Rasulullah ﷺ, maka hadis itu merupakan apa yang diberitahukan Allah kepada Nabi dengan cara ilham atau mimpi seterusnya Nabi ﷺ menyampaikan makna tersebut dengan ibarat baginda sendiri.

[3] Nama sebenar beliau adalah Abu Bakar Abdullah Bin Muhammad al-Quraisy al-Baghdadi. Dilahirkan pada tahun 204H dan meninggal pada tahun 281H. Seorang *Muhaddis, al-Hafiz* dan hebat di dalam bidang ilmu-ilmu yang lain. Mempunyai banyak karangan di antaranya; *at-Tahajjud wa Qiamullail, Makarimul Akhlak, ar-Riqah wal Buka'* dan lain-lain lagi.

[4] Nama sebenar beliau adalah Ahmad Bin Abdillah Bin Ahmad al-Asfahani, berketurunan Parsi. Dilahirkan pada bulan Rejab tahun 336H. Menuntut ilmu di Baghdad, Makkah, Basrah, Kufah dan Nasaibur. Digelar *al-Hafiz,* merupakan salah seorang tokoh ulama sejarah. Antara hasil karangan beliau yang terkenal; *Hilyatul Awliyak, Tarikh al-Asbahan* dan lain-lain lagi.

[5] Berpindah sanad

[6] **Hadis *gharib;*** hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja, tidak ada perawi lain yang meriwayatkan hadis tersebut.

[7] Nama sebenar beliau Muhammad Bin Ahmad Bin Osman, daripada penduduk Damsyik. Lahir sekitar tahun 673H dan meninggal pada tahun 748H. Bermazhab *Syafie,* digelar *al-Hafiz,* merupakan seorang *Muhaddis* dan ahli sejarah. Antara karangan beliau yang terkenal; *al-Kabair, Siyar A'lam an-Nubala', Tarikhul Islam* dan lain-lain lagi.

[8] **Soduq**: Bermakna benar dan dipercayai serta diterima riwayatnya. Istilah ini digunakan bagi menunjukkan kedudukan perawi yang meriwayatkan hadis, sama ada diterima atau tidak riwayatnya.

[9] Istilah yang digunakan bagi menyatakan bahawa perawi tersebut seorang yang benar dan di percayai.

[10] Nama sebenar beliau Sulaiman Bin Ahmad Bin Ayub, berasal daripada Tabriah, Palestin. Menuntut ilmu di Hijaz, Yaman, Mesir dan lain-lain. Meninggal di Asbahan pada tahun 360H. Antara hasil karangan beliau; *al-Mu'jam as-Soghir, al-Mu'jam al-Ausat, al-Mu'jam al-Kabir* (semua ini dalam bidang hadis) dan lain-lain lagi.

[11] ***Syawahid*** atau ***syahid:*** hadis yang diriwayatkan daripada hadis sahabat yang lain, yang hadis tersebut menyerupai hadis lain sama ada pada lafaz serta makna atau makna sahaja.

[12] Beliau adalah Abu Abdillah Muhammad Bin Ismail Bin Ibrahim. Dilahirkan di Bukhara pada bulan Syawal 194H dan meninggal pada tahun 256H. Menghafal lebih daripada 600 ribu buah hadis. Kitab

beliau yang bernama *aj-Jami' as-Sahih* atau disebut *Sahih Bukhari* merupakan kitab hadis yang paling sahih.

[13] **Hadis *mungkar*:** hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang tidak jelas kedudukannya (*mastur*) atau perawi yang lemah (*dhaif*) dan hadis tersebut bertentangan dengan hadis lain serta tidak ada riwayat yang menyokong hadis tersebut.
Hadis syaz: hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang dipercayai dan riwayat tersebut bertentangan dengan riwayat perawi yang lebih dipercayai daripadanya.

[14] ***Al-Hafiz:*** orang yang menguasai 100 ribu buah hadis matan serta sanadnya dan mampu mengeluarkannya apabila diperlukan.
Al-Muhaddis: yang menguasai hadis-hadis dan memahaminya secara *riwayah* dan *dirayah.*
Al-Hujjah: yang menguasai 300 ribu buah hadis matan serta sanad. Lebih tinggi daripada *muhaddis.*
Al-Hakim: yang ilmunya menguasai seluruh hadis-hadis yang diriwayatkan matan dan sanad serta segala ilmu di dalam ilmu hadis.

[15] Beliau adalah Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal as-Syaibani, pengasas mazhab Hanbali. Dilahirkan pada tahun 164H dan meninggal pada tahun 240H.

[16] ***Musnad:*** kitab hadis yang menyebut hadis mengikut turutan para sahabat, sama ada mengikut huruf ejaan nama atau sebagainya.
Jami': kitab hadis yang terhimpun di dalamnya hadis mengikut bahagian-bahagian atau bab seperti bab akidah dan sebagainya.
Sunan: kitab hadis yang disusun mengikut bab-bab Fekah daripada bab bersuci, solat, zakat dan seterusnya.
Mu'jam: kitab hadis yang disusun mengikut turutan para guru sama ada mengikut masa kematian atau mengikut huruf ejaan nama atau pun sebagainya.

Juz': kitab yang menghimpunkan hadis berdasarkan seseorang perawi sama ada perawi tersebut daripada golongan sahabat atau pun selepas mereka seperti *juzu* Abi Bakar *as-Sidiq* dan sebagainya.
Mustadrak: kitab yang menghimpunkan apa-apa yang tertinggal daripada kitab-kitab tertentu mengikut syarat kitab yang asal tersebut seperti *Mustadrak* Imam al-Hakim ke atas kitab *Sahih Bukhari* dan *Sahih Muslim.*

[17] ***Ujub:*** merasa kagum terhadap kebaikan dan lupa kepada Allah serta menyandarkan kekuatan dan upaya melakukan perkara tersebut kepada dirinya sendiri.
Riak: suka untuk dilihat oleh manusia supaya mereka dapat mengetahui kelebihannya.
Takabbur: menentang kebenaran dan menghinakan yang lain.
Sum'ah: suka untuk mendengar percakapan orang terhadap kebaikannya.

[18] Beliau adalah Abdul Rahman Bin Ali Bin Muhammad al-Jauzi, bermazhab *Hanbali*. Digelar *al-Hafiz,* menguasai bidang Fekah, Sejarah, Hadis, Sastera Arab dan lain-lain. Terkenal dengan seorang yang petah berkhutbah dan dikatakan majlis beliau dihadiri oleh ribuan manusia. Mempunyai tidak kurang daripada seribu buah karangan. Meninggal pada tahun 597H. Antara karangan beliau; *Talbisul Iblis, ad-Du'afa', al-Mudu'at, Zammul Hawa* dan lain-lain lagi.